



Shuqun Primary

*To Serve with
Quality*

Ref: 2010/PAR/01/GT

18 Jan 2010

Kepada : Ibu bapa/waris dan pelajar Sekolah Rendah Shuqun,

2010: Konstelasi Bintang

Kita mulakan tahun yang menarik ini dengan berita baik mengenai pencapaian pelajar kami dalam peperiksaan PSLE tahun lalu. Kadar kelulusan kami adalah lebih tinggi daripada peringkat nasional dalam semua mata pelajaran kecuali Matematik dan Sains. Namun begitu kami dapat merapatkan jurang kelulusan bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut sebanyak 4% dan 10%. Pencapaian membanggakan sebanyak 98.3% kelulusan bagi Bahasa Inggeris, berjaya membawa 96.9% pelajar kami ke sekolah menengah.

Su Mengyue merupakan **Pelajar Terbaik 2009 dengan agregat 279**.

Sementara itu, ahli sukan terbaik sekolah kami pada tahun 2005, **Scott Ang Yiqiang**, berjaya mendapat **6 kepujian dalam peperiksaan peringkat 'O'** untuk menjadi **Pelajar Terbaik Sekolah Sukan Singapura** pada tahun 2009. Pencapaian yang mengagumkan ini membuktikan bahawa sesuatu impian boleh menjadi nyata jika kita bekerja keras dan mempunyai kepercayaan diri sendiri.

Banyak impian telah berjaya dicapai oleh bekas pelajar sekolah dan mereka juga telah berjaya ke sekolah pilihan mereka. Oleh itu, saya ingin melihat lebih banyak impian tercapai pada tahun 2010. Inilah sebabnya kami memberi fokus pada Konstelasi Bintang. Beberapa Kumpulan Seni akan menguji keupayaan mereka untuk cuba merangkul Emas dan Perak dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan sempena **Pesta Belia Singapura**. Pasukan bola sepak dan sepak takraw kami juga akan berjuang untuk mengekalkan pencapaian yang membanggakan selama ini. Platform-platform inilah yang bakal menghasilkan bintang-bintang dari sudut Akademik, Estetik, Sukan, Teknologi and Kepimpinan.

Misi Shuqun untuk mengasuh pelajarnya menjadi bintang bersinar melalui pendedahan holistik bertujuan untuk menghasilkan "Warga Global Bertaut dan Rakyat Singapura yang Setia dan Berpengetahuan." Beberapa program penting yang dijalankan termasuk Program Lanjutan untuk Kecemerlangan (Apex), Kepimpinan melalui Pengalaman (LEAD) dan Program Duta Pelajar (Sap). Kami akan membuat pembentangan "Sap", program global kami yang unik semasa **MOE's Excel Fest 2010 yang akan diadakan pada 6 Mac**. Ia bertemakan "Setiap Pelajar Bersedia Menyahut Cabaran Dunia". Acara ini dibuka kepada orang ramai di Suntec City.

Menjelang perasmian Sukan Olimpik Belia di Singapura, sekolah kami juga akan bekerjasama dengan Alumni dan Sekolah Menengah Shuqun untuk menyambut Ulang Tahun Shuqun yang ke 85 pada akhir bulan Jun. Cik Wong Lee Jen, personaliti radio terkenal FM95.8 dan alumnus Seh Chuan (nama asal Shuqun), akan mengetuai sebuah kumpulan untuk menghasilkan sebuah buku dan DVD yang merakamkan cerita inspirasi peribadi mereka yang berkaitan dengan sekolah kami yang kaya dengan sejarah ini. Kami amat bangga dengan kebaikan yang ditonjolkan yang telah membentuk Shuqun – tempat menarik untuk belajar and bekerja!

Akhir sekali, inilah harapan saya bagi pelajar-pelajar Shuqun tahun ini:

1. **Perolehi Anugerah Bintang Shuqunite** – bekerja keras untuk mencapai sekurang-kurangnya satu bintang.
2. **100% kedatangan dalam Aktiviti Ko-Kurikular** – ini akan diambil kira bagi gred kelakuan kamu.
3. **Lulus dalam ujian NAPFA dan mengekalkan berat badan yang ideal** – otak cerdas, badan cergas
4. **Luangkan 3 jam sehari pada pembelajaran tertumpu sebelum/selepas sekolah** – sekurang-kurangnya 2 jam sehari bagi latihan Matematik.
5. **Semangat Hijau** – *Menanam Semula, Menggunakan semula, Mengurangkan & Mengitar Semula*

Saya mengucapkan Selamat Tahun Baru yang Bahagia dan Berjaya

Ketua Shuqunite
Mr Tsu Chin Sun Gary, Pengetua